

Malaysia Madani hala tuju negara

Dari muka 1

Kerangka dasar Madani adalah falsafah pembangunan yang holistik dan menyeluruh berpandukan keprihatinan etika dan sosial serta berasaskan prinsip keadilan dan kebajikan.

Ia bermakna mengurus ekonomi dengan mengambil kira faktor dimensi manusiawi, tidak ada kemanusiaan insan kalau memilih untuk mencemuh sesama manusia berdasarkan warna kulit atau daerah kerana madani itu menuntut nilai dan etika serta memuliakan dan mengangkat martabat insan.

Untuk mendepani 2023, Anwar percaya tema ini akan kekal relevan dan direncanakan sebagai satu iltizam dan pendekatan untuk menyelamatkan negara.

“Saya tidak mahu mengungkit pengalaman lalu. Ada kekuatan dan kelemahan tertentu, mana sumbangan dan kekuatan yang baik kita manfaatkan tanpa mengira dari blok, parti, fahaman mana tapi semua kelemahan dahulu mesti dihentikan.

“Kelemahan terbesar adalah cara mengurus, menggunakan ruang untuk mengkayakan kelompok kecil. Saya yakin sekiranya kita dapat urus tadbir baik dan dapat mendepani kemelut ekonomi mendatang dengan jauh lebih yakin,” katanya.

Anwar juga tidak berhasrat mengemukakan wawasan baharu ataupun membina tugu baharu, sebaliknya berhasrat mengajak rakan pimpinan untuk memikul amanah besar dan tanggungjawab mengangkat martabat insan berpaksikan keyakinan, nilai dan akhlak, tatakelola adil

INFO

M.A.D.A.N.I.

M - Mampan

Kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dan alam, bernuansakan citra Malaysia yang unik,

A - sejahtera

Membawa makna keseimbangan atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan.

D - berDaya cipta

Mengandungi beberapa konotasi antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu

A - saling menghormAti

Mengandungi konotasi maruah manusia. Satu kalimat lain yakni adab yang berasal daripada bahasa Arab.

N - punyai keyakiNan

Keyakinan punyai kaitan yang erat dengan amanah yakni suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi.

I - bersifat Ihsan

Ihsan itu sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan

dan berkesan dalam sejarah.

Jelas beliau, istilah Madani ini mungkin dianggap baharu tetapi sudah disebut lama oleh pemikir dan kini akan diperkenalkan dan dihebahkan dengan penekanan soal keyakinan dan kemanusiaan.

“Apabila negara itu dipacu untuk maju dan kadang kala tercedar kerana salah laku dan rasuah,

maka runtuh nilainya, justeru perlu ada kesedaran bersama untuk menghidupkan semula kekuatan leluhur bangsa dari semua kaum dan agama di negara ini.

“Ada nilai-nilai murni yang harus dihidupkan dan dikembangkan semula, sementara kita bergelut dalam bidang ekonomi dan teknologi dan digital, kita pacu pertumbuhan tanpa meninggalkan nilai dan kemanusiaan,” katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, fahaman kabilah menyebabkan negara mudah kompromi dengan rasuah dan penyelewengan, penindasan, membangunkan bandar besar tanpa memikirkan nasib rakyat yang terhimpit di bawahnya.

Jelasnya, barisan kepimpinan semua peringkat dan seluruh penjawat awam perlu memanfaatkan pengalaman pasca Covid-19 untuk belajar daripada kelemahan lalu dan mengemukakan tindakan bersesuaian dengan tuntutan baharu.

Pada masa sama, kata beliau, negara harus menamatkan ukuran kemajuan pertumbuhan ekonomi dengan keghairahan menyebut angka semata-mata tanpa memberi penekanan kepada kesan dan akibat kepada rakyat seluruhnya.

Beliau berkata, rakyat yang tergolong dalam kategori miskin tegar, bergelut dengan permasalahan hidup atau anak muda yang menganggur tidak akan terpukau dengan angka bahawa kadar pengangguran menurun atau inflasi hanya pada kadar 4 peratus, kerana ia langsung tidak membantu dan tidak menjamin masa depan.